

ANALISIS AYAT MAJMUK DALAM NOVEL JULIA.

MOHD FERDAWOS BIN RAZALI @ GHAZALI

PROJEK SARJANA INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2004



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

17.05.2004

MOHD FERDAWOS B. RAZALI
200000159



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Penghargaan

Assalammualaikum w.b.t.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya telah memberi segala kemudahan dan kelapangan, semangat dan kesabaran untuk saya menyiapkan kajian ini.

Penghargaan yang tidak terhingga ditujukan kepada Encik Seri Lanang Jaya Rohani selaku penyelia yang begitu sabar, cekal dan profesional semasa memberi tunjuk ajar dan membimbing saya sehingga terhasilnya kertas kajian ini. Hanya Allah jua yang dapat membalas jasa dan budi yang telah dicurahkan.

Dalam kesempatan ini juga, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pensyarah bahasa Melayu di Fakulti Bahasa UPSI yang telah mencurahkan ilmu serta jasa sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris, iaitu Prof Dr. Abdullah Hassan, Prof Dr. Abdul Hamid Mahmood dan Encik Ahmad Khair Mohd Noor . Untuk keluarga tercinta, isteri serta anak-anak; sokongan dan dorongan yang ditunjukkan menyemarakkan lagi perjuangan ini.

Akhirnya , kajian ini akan menjadi sebagai satu sumber yang berfaedah kepada semua pelajar dan penuntut Bahasa Melayu. Semoga Allah memberkati segalanya dan memberi pahala kepada orang yang berhak menerimanya.

Sekian, Wassalam.

Salam Manis,

MOHD FERDAWOS B. RAZALI
2000-0159.



Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis ayat majmuk yang terdapat dalam novel Julia karya Abu Hasan morad tahun 2002. Aspek-aspek yang dijadikan fokus kajian ini ialah jenis-jenis ayat majmuk dan struktur ayat yang digunakan melalui proses pembentukan struktur ayat permukaan dan ayat dalaman dengan menggunakan pendekatan Teori Transformasi Generatif oleh Noam Chomsky (1957) seperti yang terkandung dalam Tatabahasa Dewan Edisi Baharu oleh Nik Safiah Karim *et. al* (1995). Kaedah penyelidikan yang digunakan untuk memperoleh bahan dan maklumat yang berkaitan dengan ayat majmuk adalah melalui kaedah penyelidikan kepustakaan. Hasil kajian ini membuktikan bahawa terdapat tiga jenis ayat majmuk yang telah digunakan secara meluas dalam novel Julia ini, iaitu ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran. Ayat majmuk pancangan didapati lebih banyak digunakan berbanding dengan jenis ayat majmuk yang lain. Kesimpulannya, hasil analisis yang dilakukan menunjukkan jenis-jenis ayat majmuk yang digunakan dalam novel Julia dibina menggunakan struktur dalaman ataupun struktur permukaan yang bertepatan dengan teori Transformasi Generatif yang dijadikan landasan penganalisaan.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Abstract

This research aims to analyse compound sentences found in the novel “Julia” a literary work by Abu Hassan Morad , year 2002. It focuses on the type of compound sentences and the sentences structure used in the novel. This is done by looking at the sentences construction, at surface and deep structure based on the Generative – Transformation Theory by Noam Chomsky (1957) as contained in Tatabahasa Dewan Edisi Baharu by Nik Safiah Karim et. al. (1995) . The research method applied in obtaining materials and information related to compound sentences for this research is through arm chair research. The outcome of the research indicates that there are three types of compound sentences used in the novel “Julia” which are conjoined, embedded and complex sentences. However, an embedded sentence is used extensively compared to the others. In conclusion, the result of the analysis reveals that the different types of compound sentences used in the novel are constructed using either surface or deep structure appropriate to the Generative-Transformation Theory, which is the foundation of this research.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN ii

PENGHARGAAN iii

ABSTRAK iv

ABSTRACT v

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan 1

1.2 Pernyataan Masalah 6

1.3 Tujuan Kajian 8

1.4 Soalan Kajian

1.5 Kepentingan Kajian 5

1.6 Batasan Kajian 9

1.7 Definisi Konsep

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 12

2.2 Cerakinan Tentang Ayat Majmuk Bahasa Melayu

2.2.1 Cerakinan Nik Safiah Karim 13

2.2.2 Cerakinan Zaba 14

2.2.3 Cerakinan Asmah Haji Omar 15

2.2.4 Cerakinan Asraf 16





2.2.5	Cerakinnan Hashim Musa	17
2.2.6	Cerakinan Abdullah Hassan	18
2.3	Teori Transformasi Genaratif	20
2.3.1	Konsep Ayat Terbitan	26
2.3.2	Proses Pengguguran	27
2.3.3	Proses Peluasan	36
2.3.4	Jenis-jenis Ayat Majmuk	38
2.4	Kajian-kajian Tentang Ayat Majmuk	49

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	52
3.2	Reka Bentuk Kajian	
3.3	Alat Kajian	53
3.4	Prosedur Penganalisisan Data	54

BAB 4 DAPATAN DAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	55
4.2	Analisis dan Tafsiran Teks	
4.2.1	Jenis-jenis Ayat Majmuk novel Julia	
4.2.2	Bentuk Struktur Ayat Majmuk novel Julia	67



**4.2.3 Kekerapan Kata Hubung dalam novel Julia****75****BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1 Pendahuluan	76
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	
5.3 Kelebihan Teknik Huraian Binaan dan Rajah Pohon	77
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	79
<i>Bibliografi</i>	80





Senarai Singkatan /Lambang

Singkatan/lambang yang digunakan dalam buku ini

→	Tulis semula (ayat)
A	Ayat
A Komp	Ayat Komplemen
Adj	Adjektif
Bil.	Bilangan
FA	Frasa Adjektif
FN	Frasa Nama
FK	Frasa Kerja
FS	Frasa Sendi Nama
Gel.	Gelaran
KB	Kata Bantu
KH	Kata Hubung
KKtr.	Kata Kerja Transitif
KKtr.	Kata Kerja Tak Transitif
KN	Kata Nama
KN arah	Kata Nama Arah
KN int.	Kata Nama Inti
K. Peng.	Kata Penguat
Ket.	Keterangan
Komp.	Komplemen
Obj.	Objek
P.	Predikat
Pel.	Pelengkap
Pen.	Penerang
Penj. Bil.	Penjodoh Bilangan
Pent.	Penentu
Rel.	Relatif
S	Subjek
SN	Sendi Nama
0	Pengguguran
A.Rel.	Ayat Relatif
,	Tanda Koma
A.Ket.	Ayat Keterangan
KSN	Kata Sendi Nama
KA	Kata Adjektif
K.rel.	Kata Relatif
Knf.	Kata Nafi
Ktg.	Kata Tugas





SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat
1 Komponen pengetahuan bahasa	2
2 Tata tingkat ayat	5
3 Pembahagian jenis-jenis ayat majmuk	13
4 Tatabahasa model generatif	21
5 Unsur-unsur rumus struktur bahasa Melayu	23
6 Unsur-unsur rumus struktur bahasa Melayu	24
7 Proses penyisipan leksikon	25
8 Struktur Ayat Majmuk Gabungan	43
9 Proses Ayat Majmuk Gabungan	44
10 Proses Pembentukan Ayat Komplemen	47
11 Proses Pembentukan Ayat Keterangan	48
12 Rajah pohon 1	69
13 Rajah pohon 2	71
14 Rajah pohon 3	73
15 Rajah pohon 4	75
16 Rajah pohon 5	76





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
1. Jenis-jenis ayat majmuk dan kata hubung	41
2. Jadual kekerapan penggunaan kata hubung	75



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penggunaan pelbagai jenis ayat dalam hasil tulisan karya sastera bukan sahaja perlu dan penting untuk mengungkapkan suatu konsep yang tergambar dalam fikiran pengarang tetapi juga penting untuk menghidupkan daya imaginasi dan menajamkan persepsi akal fikiran para pembaca. Pertautan yang kuat dan saling memerlukan ini dapat diandaikan seperti irama dan lagu yang tidak mungkin dapat dipisahkan; kerana sekiranya dipisahkan maka akan pincang dan rosaklah karya tersebut.

Hal ini disebabkan bahasa merupakan bahan utama penulis untuk menyampaikan sesuatu gagasan dalam sesebuah karya sastera, di samping menjadi ekspresi perasaan dan manifestasi jiwa pengarang. Melaluinya, para pembaca akan dapat menerima dan



menikmati hasil karya sastera dengan menghayati keindahan pelbagai jenis ayat yang tertentu sifatnya.

Kecekapan berbahasa dengan menggunakan ayat akan menentukan hasil karya seseorang itu sama ada dapat berfungsi sebagai komunikasi bahasa dan dapat diterima atau tidak oleh masyarakat penutur sesuatu bahasa itu. Menurut Zulkifley Hamid (2000:27), ayat-ayat yang dihasilkan bukan sahaja mesti gramatis tetapi juga wajar dan bersesuaian dengan keadaan. Bahasa terdiri daripada dua komponen, iaitu pengetahuan tatabahasa dan kecekapan berbahasa. Dua komponen ini harus saling melengkapi antara satu sama lain seperti yang terdapat dalam rajah 1.



Rajah 1 Komponen Pengetahuan Bahasa

(Sumber : Zulkifley Hamid, 2000:28)

Menurut Keris Mas (188:4), sastera itu boleh dianggap sebagai komunikasi bahasa; iaitu puisi, prosa, drama, teks bahasa; teks bahasa saintifik, dan teks bahasa basahan. Oleh sebab sastera itu pada dasarnya adalah suatu cara komunikasi antara penulis dengan pembaca, maka karya sastera perlu dilahirkan menerusi bahasa. Tidak akan terhasil karya sastera jika tidak ada bahasa.





Justeru pentingnya bahasa kepada karya sastera, Simanjuntak (1982:47) menegaskan bahawa pengetahuan tentang hal apa yang dimaksudkan bahasa perolehan serta pemahamannya seharusnya menjadi asas bagi teori dalam kerja kesusasteraan Tegasnya, hasil kerja sastera akan bertambah baik orientasinya dan lebih tinggi mutunya jika penulis tahu cara penggunaan bahasa untuk melahirkan idea-ideanya.

Penggunaan bahasa yang dimaksudkan adalah dari segi penggunaan ayat. Ayat ialah susunan kata yang mempunyai makna yang sempurna. Dalam perbualan, ayat bermula dengan diam dan berakhir dengan diam. Dalam tulisan, kata pertama ayat bermula dengan huruf besar dan berakhir dengan noktah. Setiap ayat terdiri daripada dua bahagian, iaitu subjek dan predikat. Subjek ialah bahagian yang diterangkan, manakala predikat ialah bahagian yang menceritakan subjek. Menurut Fokker (1951: 1), ayat ialah ujaran bahasa yang mempunyai makna penuh dan dicirikan oleh turun naiknya suara (intonasi) sebagai satu keseluruhan yang tertutup.

Menurut Asmah Haji Omar (1986: 359), ayat ialah unit paling tinggi dalam skala tatatingkat nahu, iaitu tidak ada unit yang lebih tinggi yang mempunyai ayat sebagai unsurnya. Ayat terdiri daripada klausa yang disertai dengan intonasi yang lengkap, yakni yang dimulai dengan kesenyapan dan diakhiri dengan kesenyapan dan intonasinya menyatakan bahawa ayat itu sempurna dan bermakna.

Bagi Chomsky, ayat yang sempurna bererti ayat yang bentuknya sempurna (*well-formed*) dan maknanya juga sempurna (*meaningful*). Oleh yang demikian, bentuk dan





makna bagi beliau adalah sama-sama penting. Kenyataan tersebut dikukuhkan dengan adanya contoh ayat yang dikemukakan oleh Noam Chomsky dalam ‘Syntactic Structure’ (1957:15), iaitu:

“Colorless green ideas sleep furiously.”

W.M.F. Payne (1970:101) pula mendefinisikan ayat sebagai after it. “...the highest unit with rank which will be designated as a pattern carrier will be called the sentence. The grammatical sentence is defined as the unit which has potentiality of indefinite silence both before and after it.”

Za’ba (2000:264) menegaskan bahawa, ”tiap-tiap sekumpulan perkataan yang sempurna maksudnya demikian itu tetaplah tidak dapat tidak ia mencakapkan dari hal sesuatu benda dan menyatakan apa hal benda itu. Menurut beliau lagi, ikatan perkataan yang ada benda (subjek) dan ada cerita (predikat), demikian dinamakan ayat.”

Takrif ayat mengikut Nik Safiah Karim *et al.* (1995: 414) ialah unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap. Ia boleh terbentuk daripada satu perkataan atau susunan beberapa perkataan yang pengucapannya dimulakan dengan diakhiri dengan senyaman, serta mengandungi intonasi yang sempurna.

Daripada beberapa pengertian di atas, konklusinya bahawa ayat ialah unit yang penting dalam susunan tatabahasa; yang terbina daripada satu perkataan atau deretan perkataan.





Semua unit yang terdapat dalam rajah di atas (kecuali unit terbesar, iaitu ayat) boleh membentuk unit yang lebih besar daripadanya. Morfem boleh membentuk kata, kata membentuk frasa, frasa membentuk klausua; dan klausua membentuk ayat.



Ayat mengandungi kesatuan idea yang dimulai dan diakhiri dengan kesenyapan serta diucap dengan intonasi yang sempurna. Oleh yang demikian, menurut Nik Safiah Karim *et al.* (1995: 503), struktur ayat boleh digolongkan kepada beberapa pecahan. Antaranya ada yang disebut ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, dan ayat seruan. Terdapat juga ragam ayat yang disebut ayat aktif dan ayat pasif, ayat aktif transitif dan ayat aktif tak transitif, dan sebagainya.

Dalam kajian ini, penulis menganalisis jenis-jenis ayat majmuk yang digunakan dalam novel Julia dengan penekanan kepada cara ayat itu dibentuk atau diterbitkan , atau dalam istilah moden disebut transformasi. Proses perubahan atau penerbitan ayat ini berlaku melalui proses seperti perluasan, penggantian, pengguguran atau penyusunan





semula unsur-unsur (konstituen) yang terkandung dalam ayat majmuk tersebut dengan berasaskan konsep Transformasi-Generatif yang diasaskan oleh Noam Chomsky.

1.2 Pernyataan Masalah

Bahasa Melayu yang sedang berkembang sekarang ini tentu sahaja mengalami berbagai-bagi gejala dan masalah, terutama dalam aspek tatabahasa.

Di Malaysia, penelitian terhadap bidang sintaksis, terutamanya tentang ayat majmuk bahasa Melayu masih tidak begitu mendalam dan sehingga kini berada di tahap sederhana sahaja. Penelitian pengkaji terhadap jenis-jenis ayat majmuk hanyalah sepintas lalu dengan penerangan yang ringkas. Ini disebabkan pandangan yang dikemukakan mereka tentang ayat majmuk adalah bersifat umum. Dengan demikian, penelitian yang khusus dan huraihan yang terperinci tentang setiap cabang ayat majmuk tidak dapat dilakukan. Hal ini sedikit sebanyak mewujudkan kesukaran bagi peminat bahasa, khususnya yang meminati bidang ayat majmuk bahasa Melayu untuk memahami konsep penerbitan ayat tersebut secara mendalam.

Walaupun terdapat kajian tentang ayat majmuk dilakukan sebelum ini, sama ada telah ditulis dalam jurnal, rencana, tesis maupun dibukukan oleh penulis-penulis seperti Zainal Abidin Ahmad (Za'ba, 1953), M.B. Lewis (1969), Asmah Haji Omar (1971), Lufti Abas (1977), Arbak Othman (1981), Hashim Musa (1989), Nik Safiah Karim *et al.*(1933), Asraf (1974), S. Arockiamary (1986), Yeoh Lin Lin (1989) Tan Yi Li (1994)



dan Zulkifli Osman (2003), namun tinjauan kajian terhadap keseluruhan jenis ayat majmuk dalam sebuah karya sastera, khususnya novel masih lagi berkurangan.

Walaupun Sanat Md. Nasir dan Awang Sariyan telah berusaha untuk mengatasi dan mengisi kekosongan yang sedia wujud ini dalam perbincangan ayat majmuk bahasa Melayu, namun perbincangan mereka hanya menyentuh salah satu kategori ayat majmuk(iaitu ayat komplemen) dan juga membuat kajian tentang kesemua aspek sintaksis berdasarkan pendekatan Transformasi-Generatif; bukannya pengkhususan kepada ayat majmuk semata-mata. Keadaan ini dapat dilihat dalam buku Sanat yang berjudul Ayat Komplemen dalam Bahasa Melayu (1985) dan buku Awang Sariyan, Kesinambungan Bahasa dalam Karya Sastera Melayu (1984).

Oleh yang demikian, langkah-langkah yang relevan dengan aspek kajian dan penelitian yang lebih sistematik perlu dilakukan sekiranya penulis ingin mengkaji dan mengisi kekosongan tersebut. Untuk memantapkan hasil kajian, di samping menjadikan kajian lebih mendalam, khususnya menyentuh jenis-jenis ayat majmuk dan struktur pembinaannya, maka penelitian yang terarah dilakukan dengan:

1. Meneliti penggunaan jenis-jenis ayat majmuk dalam novel Julia.
2. Menganalisis pola penggunaan ayat majmuk dengan menggunakan rajah pohon beracuankan pemerian konsep Transformasi-Generatif yang terdapat dalam buku Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (1995)

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini secara khususnya bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis ayat majmuk yang digunakan dalam novel Julia dan menganalisis struktur ayat majmuk serta proses pembentukan ayat berdasarkan struktur permukaan dan struktur dalaman mengikut teori Transformasi-Generatif (TG), seperti yang terdapat dalam buku Tatabahasa Dewan Edisi Baharu oleh Nik Safiah Karim *et al.*(1995).

Objektif utama kajian ini adalah:

1. Menganalisis jenis-jenis ayat majmuk yang digunakan dalam novel Julia.
2. Menghuraikan pembinaan struktur ayat majmuk yang digunakan dalam Julia berdasarkan teori TG.

Kajian ini cuba mencari jawapan –jawapan kepada soalan –soalan berikut:

1. Apakah jenis-jenis ayat majmuk yang digunakan dalam novel Julia?
2. Apakah bentuk struktur ayat majmuk yang digunakan dalam novel Julia?
3. Apakah bentuk kata hubung yang kerap digunakan dalam novel Julia?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan akan dapat dimanfaatkan oleh pelbagai golongan, antaranya mahasiswa yang menjurus dalam bidang linguistik, khususnya sintaksis, penuntut maktab perguruan yang menjurus dalam bidang pendidikan bahasa, guru bahasa dan sastera yang menjadikan novel sebagai bahan pengajaran serta para pelajar yang ingin mengetahui

jenis dan cara pembentukan ayat majmuk menggunakan rumus atau struktur ayat berdasarkan konsep TG.

Justeru , kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan atau sumber rujukan kepada semua pihak, dan dapat dijadikan asas oleh para penyelidik yang ingin menjalankan kajian lanjutan, khususnya dalam bidang sintaksis.

1.6 Batasan Kajian

Beberapa aspek dijadikan batasan kajian agar kajian ini lebih terarah dan mendalam.

1. Kajian ini tertumpu kepada jenis-jenis ayat majmuk yang terdapat dalam novel Julia karya Abu Hassan Morad.
2. Kajian tentang penjenisan ayat majmuk ini tidak akan menyentuh ayat majmuk yang berbentuk dialog.
3. Analisis jenis-jenis ayat majmuk tersebut hanya akan dilakukan berdasarkan teori Transformasi-Generatif yang terkandung dalam Tatabahasa Dewan Edisi Baharu.
4. Penganalisisan ayat majmuk hanya dilakukan berdasarkan ayat yang terdapat pada halaman 70 hingga 100, yang terdiri daripada ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan, dan ayat majmuk campuran.

1.7 Definisi Konsep

Beberapa istilah dan frasa perlu diberi definisi atau penjelasan yang merujuk secara khusus penggunaannya dalam kajian ini.

i) Analisis

Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996) mendefinisikan analisis sebagai penyelidikan atau penghuraian sesuatu untuk mengetahui pelbagai aspeknya (ciri-cirinya) secara terperinci dan mendalam. Dalam konteks kajian ini, analisis merujuk kepada penghuraian bentuk dan jenis-jenis ayat majmuk yang terdapat dalam novel Julia.

ii) Ayat Majmuk

Nik Safiah Karim *et al.* (1995:477) mendefinisikan ayat majmuk sebagai ayat yang dibina dengan mencantumkan dua ayat tunggal atau lebih, dan percantuman ayat-ayat ini disusun mengikut cara tertentu sehingga menjadikannya ayat baharu.

Menurut Abdul Hamid Mahmood (2000:72), ayat majmuk ialah ayat yang terbina daripada dua ayat tunggal atau lebih. Ayat majmuk juga disebut sebagai ayat kompleks. Ayat majmuk mempunyai dua subjek atau lebih atau dua predikat atau lebih. Ayat majmuk menggunakan kata hubung seperti dan, atau, tetapi, sambil, yang, bahawa, ketika, walaupun, dan seumpamanya untuk menggabungkan ayat-ayat tunggal supaya menjadi ayat majmuk.

Abd. Rahman Ab. Rashid, Yap Kim Fatt dan Ab. Rahim Selamat (1997: 143) pula mendefinisikan ayat majmuk sebagai ayat yang terdiri lebih daripada satu ayat tunggal. Ayat-ayat berkenaan dicantumkan berdasarkan peraturan-peraturan tertentu sehingga menjadikannya satu ayat baharu.



Seterusnya Kamus Linguistik (1997:24) , juga mendefinisikan ayat majmuk sebagai ayat yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua klausa bebas yang digabungkan oleh kata penghubung setara seperti atau, dan, tetapi atau oleh intonasi.

iii) Novel

Istilah novel mengikut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996:934) ialah cerita dalam bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks, yang berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial,

Mengikut Kamus Oxford Fajar (2001: 1244) novel ialah cerita dalam bentuk prosa yang panjangnya satu buku mengenai watak rekaan atau watak sejarah. Dalam konteks kajian ini novel yang dikaji ialah novel Julia karya Abu Hasan Morad, terbitan Utusan Publications . Novel ini juga dijadikan teks Komsas untuk pelajar-pelajar tingkatan 5.

